



# BAB KELOM



**Penutup dan Kesimpulan**

## BAB KELIMA

### KESIMPULAN DAN PENUTUP

#### 5.1- KESIMPULAN

Tafsir al-Qur'ān merupakan di antara ilmu yang paling utama di dalam Islam kerana peranannya yang amat penting di dalam memperincikan segala isi kandungan al-Qur'ān. Disiplin ini boleh juga disifatkan sebagai di antara ilmu yang paling awal wujudnya di dalam Islam serta menjadi punca kepada perkembangan ilmu-ilmu yang lain. Perkara ini dapat dibuktikan dengan melihat kepada kaedah yang telah digunakan oleh nabi ketika mengajar para sahabatnya tentang al-Qur'ān. Pada peringkat pertama baginda menggunakan kaedah talaqqi atau penelitian ayat demi ayat untuk mengajarkan bentuk bacaan yang sepatutnya<sup>373</sup> kemudian diikuti pula dengan penerangan makna ayat tersebut yang merujuk kepada pentafsirannya.<sup>374</sup>

Kepentingan ilmu ini telah dibuktikan oleh para ulama sepanjang zaman yang senantiasa menghasilkan karya-karya tafsir yang menghuraikan isi kandungan al-Qur'ān mengikut keperluan zaman mereka. Fenomena tersebut berterusan sehingga ke hari ini berikutan banyak penemuan serta masalah baru yang muncul hasil

<sup>373</sup> Bukti mengenai penggunaan kaedah ini ialah beberapa hadith yang menyebut tentang cara pembelajaran al-Qur'ān oleh beberapa orang sahabat nabi. Lihat Op.cit , Ibn Hajar al-'Asqalānī , *Fath al-Bārī Syarḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān / Kitab kelebihan-kelebihan al-Qur'ān , Bāb al-Qurrā' Min Aṣḥāb al-Nabi / Para Qari daripada kalangan sahabat nabi , hadith no. 5000 , 5001 & 5005 , jil 9 , hal 59.

<sup>374</sup> Terdapat riwayat yang mengatakan bahawa nabi telah mengajar ayat-ayat al-Qur'ān kepada para sahabatnya secara berperingkat-peringkat iaitu sebanyak lima ayat kemudian lima ayat lagi. Para sahabatnya pula akan memantapkan bacaan tersebut serta mengamalkan isi kandungannya dengan sepuhul hati. Lihat huraianya di dalam Op.cit , Manna' al-Qattān , hal 110.

daripada perkembangan teknologi moden yang begitu pesat.<sup>375</sup> Kadangkala sesetengah penemuan itu seolah-olah mencabar kebenaran al-Qur'an dan membuka ruang kepada para musuh Islam untuk mempertikaikan kesahihan wahyu Allah.<sup>376</sup> Segala perkembangan ini sudah pasti memerlukan jawapan dan penyelesaian yang sepatutnya menurut neraca al-Qur'an. Oleh itu proses pentafsiran semula al-Qur'an tetap akan menjadi suatu tuntutan serta keperluan asasi manusia yang amat penting sepanjang zaman.

Walaubagaimanapun, perlu diingat bahawa bukan semua orang layak dan mampu untuk mentafsirkan al-Qur'an. Beberapa syarat yang ketat meliputi ketinggian ilmu pengetahuan dan akhlak perlu terlebih dahulu dipenuhi bagi seseorang yang hendak melakukan pentafsiran al-Qur'an. Perlaksanaan kesemua syarat tersebut akan menjadi benteng pengjaga dan kayu ukur utama yang akan menentukan kesahihan sesebuah pentafsiran. Walaupun pada mata kasar, segala kelayakan itu amat sukar untuk dimiliki oleh seseorang ulama' di zaman ini, namun begitu jalan penyelesaian terbaik terhadap masalah ini ialah dengan menujuhkan sebuah panel pentafsiran al-Qur'an yang dianggotai oleh para pakar daripada semua bidang ilmu pengetahuan. Bagi menjamin kesahihan usaha tersebut, panel itu

---

<sup>375</sup> Di antara contoh-contoh tersebut ialah seperti hukum pengklonan , pemindahan organ , bio teknologi dan sebagainya.

<sup>376</sup> Perkara yang boleh dijadikan bukti ialah penemuan mesin pengimbas yang mampu untuk menembusi lapisan dinding yang tebal. Mesin tersebut begitu meluas penggunaannya terutama sekali ketika mengenalpasti keadaan bayi di dalam kandungan. Sebarang imej yang diperolehi daripada imbasan mesin tersebut kebanyakannya hampir tepat. Penemuan ini seolah-olah bertentangan dengan ayat 34 Surah Luqmān yang bermaksud : *Sesungguhnya Allah , hanya di sisiNyalah sajalah pengetahuan tentang hari kiamat , dan Dialah yang menurunkan hujan, dan mengetahui apa yang ada di dalam rahim , dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui ( dengan pasti) apa yang akan diusahakannya besok. Dan tiada seorang pun yang mengetahui di bumi mana dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.*

hendaklah diketuai oleh pakar di dalam bidang Tafsir al-Qur'ān yang akan memantau segala pentafsiran yang dibuat terhadap sesuatu ayat al-Qur'ān. Penubuhan panel tersebut memakai prinsip *ijtihād juz'i* yang telah digunakan di dalam isu ijtihād.<sup>377</sup>

Apabila membincangkan tentang proses pentafsiran semula al-Qur'ān, elemen ijtihād dan tajdid akan memainkan peranan yang amat penting. Gabungan dari kedua-dua elemen tersebut akan menghasilkan sebuah *Tafsīr bi al-Ra'y* yang baik. Untuk menambahkan keberkesanannya pentafsiran al-Qur'ān, proses tersebut memerlukan penglibatan yang meluas daripada pakar-pakar daripada berbagai-bagai bidang ilmu moden dan tidak hanya terhenti kepada ilmu-ilmu agama sahaja.<sup>378</sup> Integrasi di antara kedua-dua aliran ilmu pengetahuan di dalam proses pentafsiran semula al-Qur'ān akan menghasilkan sebuah kitab tafsir semasa yang universal. Selain itu, langkah ini juga akan menunjukkan kehebatan dan keunggulan al-Qur'ān sebagai kitab pemandu kehidupan manusia sepanjang zaman.

Bagi konteks alam Melayu, penulis mendapati pengajian Tafsir al-Qur'ān telah memberikan beberapa kesan secara tidak langsung di dalam membentuk haluan hidup masyarakat Melayu. Proses pemodenan dan pembaharuan yang berlaku di dalam masyarakat Melayu banyak dipengaruhi oleh pengajian Tafsir al-Qur'ān.

<sup>377</sup> Ijtihad pada sesetengah bahagian agama sahaja ( *juz'i* ) dikhuluskan kepada sesuatu bidang kecil dari agama seperti bidang ekonomi dan sebagainya. Oleh itu seorang ulama' yang pakar di dalam bidang ekonomi boleh berijtihad di dalam bidang tersebut. Lihat Op.cit , Dr. Yūsuf al-Qarađāwī (1995),hal 41.

<sup>378</sup> Op.cit , Dr. Mahathir Mohamad , *Going Back to The Qur'an* , jil 2 , hal 162. Huraihan berkaitan dengannya terdapat pada muka surat 24.

Perkara ini dapat dilihat kepada beberapa kebiasaan masyarakat Melayu yang sudah sedia terjelma dan diamalkan sejak zaman berzaman.<sup>379</sup>

Oleh itu, penulis berpendapat sebarang penemuan daripada kajian ini sedikit sebanyak dapat membuktikan bahawa pengajian Tafsir al-Qur'ān merupakan salah satu saluran yang paling berkesan untuk mendekatkan hati orang-orang Islam di alam Melayu terhadap kesedaran islam yang sebenar. Proses untuk memperkenalkan Islam melalui pengajian Tafsir al-Qur'ān juga akan lebih berkesan berdasarkan beberapa keserasian di antara amalan budaya mereka sejak zaman berzaman dengan ajaran al-Qur'ān itu sendiri. Perkara tersebut dikukuhkan lagi dengan melihat kepada perkembangan sejarah pengajian Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu yang sememangnya sudah lama bertapak di rantau ini seawal kurun ke 16.<sup>380</sup> Fenomena ini boleh dilihat dengan penghasilan beberapa kitab Tafsir al-Qur'ān oleh para pentafsir Melayu silam dan moden.

Setelah diteliti, penulis mendapati unsur-unsur pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu terbahagi kepada dua aspek iaitu (1) penggunaan teknologi terkini untuk menaiktarafkan pengajian tafsir dan (2) aliran pentafsiran baru yang selaras dengan ilmu sains moden. Perkembangan pada aspek pertama dapat dilihat dengan ketara berikutnya perkembangan teknologi terkini seperti teknologi salinan teks,<sup>381</sup> audio, video, internet dan sebagainya.

<sup>379</sup> Huraian berkaitannya boleh didapati pada muka surat 47-54 kajian ini.

<sup>380</sup> Op.cit , Wan Sabri Wan Yusof , hal 35.

<sup>381</sup> Penjelasan mengenai teknologi salinan teks. Seperti kuliah-kuliah tafsir yang disalin semula di dalam buku dan sebagainya seperti Tafsir Nik Abdul Aziz dan sebagainya.

Dengan bantuan semua teknologi tersebut, bahan-bahan pengajian Tafsir al-Qur'ān seperti buku-buku dan koleksi-koleksi kuliah pengajian dapat bertahan lama. Koleksi-koleksi tersebut dapat diulang tonton dan diulang dengar, bahkan membuka peluang yang lebih meluas kepada lebih ramai orang untuk mempelajari Tafsir al-Qur'ān.

Aliran pentafsiran yang baru terhadap ayat-ayat al-Qur'ān juga dapat dikesan daripada beberapa karya tafsir yang telah dihasilkan oleh para pentafsir Melayu. Unsur-unsur pemodenan dan pembaharuan itu melibatkan penggunaan berbagai-bagai ilmu sains moden,<sup>382</sup> sosial, politik,<sup>383</sup> psikologi, sejarah dan sebagainya. Selain itu, usaha pembaharuan juga dilakukan dalam bentuk terjemahan daripada kitab-kitab tafsir berbahasa Arab.<sup>384</sup>

Penulis berpendapat, satu langkah yang sesuai untuk mengumpulkan semua gaya pentafsiran yang telah dibuat oleh para pentafsir tersebut ialah dengan menubuhkan pengkalan data Tafsir al-Qur'ān yang universal. Pengkalan data tersebut merupakan sebuah kitab tafsir digital terkini yang boleh dimanfaati oleh semua umat

<sup>382</sup> Penggunaan ilmu sains moden dapat membantu untuk mendekatkan hati manusia kepada memahami ayat-ayat al-Qur'ān. Bahkan menurut Maurice Bucaille , sesetengah ayat-ayat al-Qur'ān hanya akan dapat benar-benar difahami dengan bantuan ilmu Sains moden. Lihat Op.cit , Dr. Maurice Bucaille , hal 121.

<sup>383</sup> Perkara ini biasanya dapat diperhatikan pada sesetengah ulasan yang dibuat oleh tokoh-tokoh tafsir yang terlibat dengan gerakan Islam. Contohnya bentuk pentafsiran HAMKA pada ayat-ayat tertentu . Lihat , Op.cit , Kamaliah bt Hussin ( 1998 ) , hal 49-50. Perkara yang sama juga disentuh oleh tokoh-tokoh tafsir yang melibatkan diri dalam politik tanah air seperti Nik Abdul Aziz dan Hj Abdul Hadi dalam siri-siri kuliah mereka.

<sup>384</sup> Perkara ini dapat dibuktikan dengan usaha yang dilakukan oleh Dato' Yusuf Zakiy yang telah menterjemahkan Tafsir Fi Ḥilāl al-Qur'ān. Usaha penterjemahan ini juga memungkinkan pemahaman yang meluas di kalangan orang Melayu yang tidak mampu untuk memahami bahasa Arab. Langkah ini juga boleh disifatkan sebagai usaha pembaharuan di dalam pengajian tafsir , kerana sebelum adanya kitab-kitab terjemahan tersebut , rata-ratanya tempat bergantung masyarakat umat Islam di dalam memahami pengajaran al-Qur'ān ialah kepada ulasan guru-guru agama dan para penceramah sahaja. Dengan wujudnya terjemahan kitab tafsir zaman ini seperti Tafsir Fi Ḥilāl al-Qur'ān , umat Islam akan didekahkan secara terus kepada idea atau tafsiran tokoh terbabit dalam bentuk maklumat *first hand*.

manusia tanpa mengira sempadan agama, negara dan bahasa. Pengkalan data tersebut secara maksimumnya akan menggunakan segala ilmu-ilmu lama dan moden di dalam mengutarakan sebarang tafsiran terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Selain itu, pengkalan data ini boleh disusun atur dengan beberapa bahasa pengendali utama dunia seperti Inggeris, Arab, Perancis, Mandarin, Russia, Farsi, Urdhu, India dan sebagainya. Dengan penggunaan bahasa-bahasa ini, jurang bahasa yang sering memisahkan pemahaman manusia terhadap agama Islam akan dapat diruntuhkan. Bahkan semua umat manusia akan berkesempatan untuk mempelajari al-Qur'an mengikut penghayatan mendalam (*dhūq*) bahasa mereka tersendiri.

Penulis berpendapat usaha untuk menubuhkan pengkalan data Tafsir al-Qur'an ini bukanlah suatu perkara yang mustahil. Kita sepatutnya mencontohi usaha gigih yang pernah dilakukan oleh sekumpulan orientalis yang telah menghasilkan sebuah kamus hadith bagi memudahkan para pengkaji hadith mencari sesebuah hadith dalam masa yang singkat iaitu kitab *al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfāz al-Hadīth*.<sup>385</sup> Dengan semangat yang gigih, gagasan ini tidak mustahil untuk dicapai, tetapi apa yang paling penting ialah untuk memulakan langkah pertama di dalam menjayakannya. Diharap agar kajian ini akan menjadi pembuka langkah awal yang akan mendorong para pengkaji selepas ini untuk memajukan lagi idea ini.

---

<sup>385</sup> Kitab disusun dengan konsep pencarian hadith berdasarkan susunan kamus bahasa Arab. Sumber rujukan nya ialah keseluruhan hadith daripada 9 kitab hadith yang terpilih. Kitab ini telah disusun oleh Dr Arent Jan Wensinck , seorang Professor bahagian bahasa Arab di Universiti Laydan , Belanda. Usahanya telah dibantu oleh Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Proses percetakan kitab ini telah memakan masa selama 33 tahun di mana jilid pertama telah diterbitkan pada tahun 1936 , manakala jilid terakhir iaitu jilid ketujuh diterbitkan pada tahun 1969. Lihat Op.cit , Dr. Mahmūd al-Tāḥḥān , *Uṣūl al-Takhrīj Wa Dirāsah al-Asānīd* , hal 82-83.

Kesimpulannya, elemen pemodenan serta pembaharuan di dalam pentafsiran al-Qur'ān ternyata amat penting untuk menghidupkan fungsi al-Qur'ān sebagai pembimbing manusia sepanjang zaman. Tambahan pula, kebenaran al-Qur'ān akan semakin menyerlah dengan bantuan segala ilmu-ilmu serta teknologi moden.<sup>386</sup> Sesetengah ayat-ayat al-Qur'ān masih terbuka kepada berbagai-bagai pentafsiran yang baru.<sup>387</sup> Bagi mencapai matlamat ini, sikap bertolong bantu di antara para pakar Islam amat diperlukan. Oleh itu penulis berharap kajian ini akan menjadi suatu pencetus atau pembuka jalan ke arah meningkatkan lagi perkembangan pengajian Tafsir al-Qur'ān seiring dengan zaman.

## 5.2- CADANGAN

Berdasarkan penelitian yang telah penulis lakukan semasa menghasilkan kajian ini, proses pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān amat diperlukan oleh umat Islam pada setiap zaman. Usaha ini memerlukan penglibatan dari semua pihak. Di antara saranan dan cadangan yang hendak diajukan untuk tujuan tersebut adalah seperti berikut :

---

<sup>386</sup> Di antara contoh pendekatan yang dimaksudkan ialah siri-siri vcd yang dihasilkan oleh Saba Islamic Media. Kesemua vcd tersebut memaparkan penciptaan alam semesta dengan berpandukan ayat-ayat al-Qur'ān. Hasil kerja ini diambil daripada buku-buku pengarang Turki Harun Yahya. Siri-siri vcd ini bertajuk *The Fact Of Creation* , *Miracles of The Qur'an* , *The Collapse of Evolution* , *The Miracle in The Cell* , *The Creation of the Universe* dan *The Secret Beyond Matter*. Lihat , [http://www.saba.com.my/main\\_page.html](http://www.saba.com.my/main_page.html) ( 11 April 2004 )

<sup>387</sup> Ulasan mengenai beberapa bentuk pentafsiran baru kepada ayat-ayat al-Qur'ān boleh dilihat pada muka surat 122-129.

### **5.2.1-Para ilmuwan Islam**

Golongan ilmuwan Islam perlu mempunyai suatu kesedaran untuk memajukan Islam dengan sumbangan mengikut kepakaran yang mereka miliki. Interaksi di antara pakar dari bidang agama dan ilmu-ilmu moden perlu senantiasa dipupuk untuk mewujudkan suasana ilmiah yang terbuka.<sup>388</sup> Bahkan sesetengah pakar di bidang lain amat berharap agar pengajaran Islam boleh dikongsi bersama atau dipersembahkan seiring dengan kepakaran mereka secara berkesan.<sup>389</sup> Dengan kerjasama ini sebarang masalah baru yang timbul boleh dibincangkan serta diselesaikan secara bersama dan bersepada.<sup>390</sup> Sekiranya sikap berlumba-lumba untuk memajukan Islam dengan kepakaran yang dimiliki oleh mereka dipertingkatkan, tidak mustahil untuk umat Islam melihat kegemilangan Islam seperti tamadun Islam silam terbina kembali. Selain itu para ilmuwan Islam perlu memperlengkapkan diri mereka dengan keperluan asas di zaman ini iaitu kemahiran bahasa Arab, Inggeris<sup>391</sup> dan penggunaan komputer atau ( ICT ).

Bagi para ilmuwan Islam di bidang Tafsir al-Qur'ān, mereka harus berusaha untuk menghasilkan kajian-kajian terkini berkaitan dengan pengajaran Tafsir al-Qur'ān. Kajian tersebut mestilah kreatif dan boleh menepati kehendak semasa.

---

<sup>388</sup> Kita tidak mahu pemisahan di antara ilmu agama dan ilmu Sains moden sepetimana yang telah berlaku di dalam agama Kristian dahulu terjadi di dalam budaya ilmu Islam.

<sup>389</sup> Op.cit , Mohd Rosydi Muhammad , hal 24.

<sup>390</sup> Di dalam realiti kehidupan di zaman moden yang serba canggih ini , pergantungan di antara satu ilmu dengan ilmu yang lain amat rapat sekali.

<sup>391</sup> Dengan kemahiran bahasa Inggeris yang banyak mendominasi komunikasi dunia hari ini , para ilmuwan Islam akan dapat mengenangkan idea-idea berkaitan dengan Islam secara lebih telus dan berkesan. Lihat , Lemah Bahasa Inggeris punca cendekiawan Islam gagal ketengahkan isu , *Utusan Malaysia* , 7 Mac 2003 & A.Kadir Jasin. Cabaran bahasa era globalisasi. *Berita Harian* , 11 Jun 2002.

Peluang kesyumulan al-Qur'an yang mengandungi segala punca ilmu pengetahuan perlu dimanfaatkan secara maksimum. Oleh sebab itulah pada bab keempat daripada kajian ini penulis telah cuba untuk mengutarakan gagasan penubuhan pengkalan data Tafsir al-Qur'an sebagai sebuah kitab tafsir digital zaman moden.

### **5.2.2-Para penuntut ilmu**

Para penuntut ilmu di semua peringkat pengajian perlu mempunyai kesedaran untuk meningkatkan ilmu pengetahuan tanpa mengira bidang. Mereka juga harus sedar bahawa mereka adalah golongan pelapis yang akan mencorakkan keadaan umat Islam di seluruh dunia pada masa hadapan. Mereka perlu memupuk suasana mesra ilmu kerana penguasaan ilmu merupakan senjata yang paling utama untuk kejayaan hakiki. Mereka harus menjadikan para ulama dan tokoh akademik sebagai idola mereka dan berusaha untuk menjadi seperti idola sanjungan mereka. Di samping itu, mereka harus turut sama memahirkan diri mereka dengan bahasa Arab, bahasa Inggeris, kebolehan berpidato dan penggunaan segala teknologi terkini sebagai persiapan untuk menerajui dunia pada masa hadapan.

### **5.2.3-Orang awam dan masyarakat.**

Orang awam yang tidak mempunyai kemampuan dan kesempatan sebagaimana dua golongan di atas perlu senantiasa memberikan sokongan yang padu untuk perkembangan ilmu pengetahuan. Mereka perlu mengenepikan persoalan yang

remeh seperti perbezaan fahaman politik yang boleh menghalang mereka daripada memajukan umat Islam.<sup>392</sup> Selain itu mereka perlu senantiasa berfikiran positif dan banyak mendampingi golongan berilmu serta berusaha untuk menjadi seperti mereka.

#### **5.2.4-Institusi Pengajian Islam**

Institusi pengajian Islam tanpa mengira tahapnya sama ada peringkat universiti, kolej, pondok, masjid, surau ataupun sekolah harus berfungsi sebagai tempat penyuburan benih ilmu pengetahuan, lebih-lebih lagi pengajian Tafsir al-Quran. Anjakan paradigma perlu dilakukan terhadap sukanan pengajian tafsir supaya bersifat lebih realistik dan bertepatan dengan kehendak semasa. Di samping mengekalkan teknik pengajian tradisional seperti sistem kuliah, halaqah dan sebagainya, teknik pembelajaran terkini terutama sekali yang berkaitan dengan penggunaan ICT perlu digalakkan dan digarap dengan bersungguh-sungguh.<sup>393</sup>

Para pentadbir serta pengajar di pusat-pusat pendidikan yang formal seperti sekolah, kolej, pondok dan universiti perlu memberikan nafas yang baru kepada sukanan pengajian Tafsir al-Qur'an agar persempahan isi kandungan al-Qur'an akan dapat memberi kesan yang mendalam kepada para pelajar. Manakala bagi institusi yang tidak formal seperti surau dan masjid perlu mengamalkan dasar mesra pengguna dengan menyediakan kemudahan asas yang mampu menarik orang ramai ke masjid.

---

<sup>392</sup> N Azuan Effendy Zaira , Budaya politik Melayu perlu dijernihkan , *Utusan Malaysia* , 4 Jun 2003.

<sup>393</sup> Di antara asas yang boleh dijadikan contoh untuk perlaksanaan ini ialah polisi baru kerajaan melalui Kementerian Pendidikan yang memperkenalkan penggunaan komputer serta bahasa Inggeris di dalam pembelajaran di sekolah-sekolah.

Di antara kemudahan asas yang dimaksudkan ialah penyediaan perpustakaan awam dan siber kafe Islam yang dipantau pelayaran web sitenya.<sup>394</sup> Dengan cara ini, tanggapan yang mengaitkan masjid atau surau sebagai tempat ibadah semata-mata akan dapat diubah. Masjid dan surau yang penuh dengan kelengkapan terkini akan mampu untuk menarik orang ramai daripada berbagai tahap pemikiran kepada Islam.

#### **5.2.5-Kerajaan**

Kerajaan sebagai sebuah organisasi yang berkemampuan untuk menyemarakkan perkembangan Islam di negara perlu memainkan peranan untuk mengeluarkan bajet dan geran-geran kajian yang khusus untuk pengajian Tafsir al-Qur'an. Kerajaan perlu memikirkan aspek tanggungjawab mereka di dalam menyebarkan ajaran Islam. Sekiranya perlu gagasan untuk pembinaan pengkalan data Tafsir al-Qur'an perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya. Selain itu, kerajaan juga perlu memikirkan untuk menubuhkan lebih banyak institusi yang berkaitan dengan pengajian al-Qur'an. Setakat ini cuma ada beberapa universiti di negara Islam sahaja yang mempunyai kuliyyah al-Qur'an seperti Mesir, Sudan dan Madinah. Untuk menggalakkan lagi perkembangan pengajian Tafsir al-Qur'an, sistem galakan dalam bentuk imbuhan, biasiswa dan elauan untuk menghasilkan kajian imiah di bidang Tafsir al-Qur'an perlu dipertingkatkan.

---

<sup>394</sup> Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh , ICT Tingkatkan Fungsi Masjid , *Berita Harian* , 15 Ogos 2002 & Mohd Yusof Sulaiman , Masjid UKM dilengkapi gimnasium , bilik komputer. *Berita Harian* , 9 Julai 2002.

### **5.2.6- Dunia Islam**

Dunia Islam yang meliputi negara-negara Islam di seluruh dunia perlu mempunyai tekad untuk memberikan kefahaman dan ilmu pengetahuan kepada semua umat Islam di dunia kerana pada zaman ini, ilmu pengetahuan merupakan senjata yang paling utama. Negara-negara yang kaya seperti negara-negara pengeluar minyak perlu menyumbangkan dana yang khusus untuk tujuan meningkatkan tahap pemikiran umat Islam dengan berbagai-bagai kegiatan ilmiah. Jika perlu dunia Islam melalui platform OIC dan Universiti Islam boleh menjayakan gagasan pembinaan pengkalan data Tafsir al-Qur'an dengan menyediakan jawatankuasa khusus yang bakal menggerakkan idea ini ke arah kenyataan.

### **5.3-PENUTUP**

Sebagai kesimpulan umum daripada kajian ini, penulis berpendapat bahawa pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian tafsir merupakan suatu platform atau batu loncatan yang utama yang boleh mengeluarkan umat Islam pada hari ini daripada kepompong kemunduran mereka. Umat Islam silam telah berjaya mencapai kegemilangan di zaman mereka kerana kefahaman mereka yang mendalam terhadap pengajaran al-Qur'an dan kehendak ajaran Islam. Bagi realiti zaman ini, ramai umat Islam tidak mendapat maklumat sebenar mengenai kesyumannan Islam sebagai suatu panduan hidup kerana keterbatasan ilmu dan peluang yang mereka miliki. Selain itu, halangan teknologi dan bahasa juga menyumbang kepada masalah ini. Dengan

adanya segala perkembangan teknologi hari ini, jurang serta benteng yang memisahkan umat Islam daripada ajaran al-Qur'ān perlu diruntuhkan. Salah satu cara yang telah penulis temui semasa menjalankan kajian ini ialah dengan merealisasikan teori pemodenan dan pembaharuan pengajian Tafsir al-Qur'ān dengan menghasilkan sebuah kitab Tafsir al-Qur'ān moden yang baru serta bersesuaian dengan kehendak zaman ini. Gagasan pembinaan pengkalan data tafsir al-Qur'ān itulah merupakan cadangan kitab Tafsir al-Qur'ān yang paling sesuai. Mudah-mudahan dengan natijah akhir daripada kajian ini akan dapat membantu memperkembangkan lagi pengajian Tafsir al-Qur'ān kepada seluruh umat manusia tanpa mengira agama, bangsa, sempadan negara dan sebagainya.